

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' AHMAD FAUZI BIN ZAHARI
[SETIAWANGSA]**

TARIKH : 24 OKTOBER 2016

RUJUKAN : 9306

SOALAN:

Dato' Ahmad Fauzi bin Zahari [Setiawangsa] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah terdapat masalah kepadatan di penjara-penjara sedia ada di seluruh negara dan adakah pihak Kementerian mempunyai perancangan untuk membuka penjara baru.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan statistik Jabatan Penjara sehingga 4 Oktober 2016 didapati hanya beberapa penjara terutamanya di negeri Sabah yang mengalami kesesakan dan telah melebihi kapasiti. Dalam menangani isu tersebut, pihak Kerajaan juga telah meluluskan permohonan untuk membina sebuah penjara di Sabah di bawah Rancangan Malaysia Ke-10 (RMKe-10) dan sambungan di bawah RMKe-11. Pembinaan penjara baru tersebut dijangka pada Januari 2017.

Selain itu, langkah-langkah lain yang turut diambil menangani masalah kesesakan tersebut adalah seperti berikut:-

- i. Melaksanakan pemindahan banduan dari penjara sesak ke penjara yang tidak sesak;**
- ii. Mempergiatkan pelaksanaan Sistem Parol, Perintah Kehadiran Wajib dan Pusat Pemulihan Pemasarakatan yang mana kini telah melibatkan seramai 38,391 orang banduan menjalani pemulihan di luar penjara;**
- iii. Meningkatkan keberkesanan pemulihan dan latihan bagi mengurangkan kemasukan semula banduan ke penjara selepas mereka dibebaskan;**

- iv. Mengubahsuai penjara sedia ada bagi meningkatkan kapasiti; dan,**
- v. Kerjasama dengan mahkamah dan Jabatan Imigresen bagi mempercepatkan proses penghantaran pulang banduan warga asing yang telah selesai menjalani hukuman. Pada masa kini kira-kira 30% banduan adalah warganegara asing.**